

Soalan-soalan Lazim (FAQ)
AFFIN AVANCE Visa dengan Kemudahan Overdraft /
Kemudahan Tunai AFFIN ISLAMIC dengan AFFIN AVANCE Mastercard

- 1. Siapa yang boleh memohon AFFIN AVANCE Visa dengan Kemudahan Overdraft / Kemudahan Tunai AFFIN Islamic dengan AVANCE Mastercard ("Kad")?**

Pelanggan boleh memohon untuk Kad sekiranya memenuhi kriteria berikut:

- i. Warganegara Malaysia atau Permastautin Tetap negara Malaysia
- ii. Berumur 21 hingga 65 tahun
- iii. Memperolehi pendapatan minimum RM84,000 setahun

- 2. Apakah perbezaan diantara AFFIN AVANCE Visa dengan Kemudahan Overdraft dan Kemudahan Tunai AFFIN Islamic AFFIN AVANCE Mastercard?**

AFFIN AVANCE Visa dengan Kemudahan Overdraft merupakan kad produk konvensional, manakala AFFIN AVANCE Mastercard dengan Kemudahan Tunai adalah produk Islamik. Tiada perbezaan faedah-faedah yang ditawarkan untuk kedua-dua produk.

- 3. Apakah faedah-faedah memiliki Kad ini?**

Anda boleh menikmati faedah-faedah berikut dengan Kad ini:

Yuran Tahunan	Pengecualian yuran tahunan sepanjang hayat
Ganjaran-ganjaran	3X Mata Ganjaran AFFIN Rewards ke atas: <ul style="list-style-type: none">• Transaksi menjamu selera• Transaksi yang dibuat di Badan-badan Profesional di Malaysia 1X Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk sebarang perbelanjaan runcit yang lain
Pelan Ansuran Mudah (EiPlan) Eksklusif	0% EiPlan sehingga 24 bulan ansuran dengan pembelian runcit minimum sebanyak RM3,000 dalam satu resit.
Kemudahan Overdraft/Tunai	Kemudahan Overdraft/Tunai pada Kadar Asas Standard (KAS) + 1.50% setahun

- 4. Adakah saya perlu membayar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) untuk Kad ini?**

Ya. SST berjumlah RM25 akan dikenakan.

- 5. Adakah terdapat had Mata Ganjaran AFFIN Rewards yang boleh saya perolehi dengan Kad ini?**

Tidak ada had mata yang boleh anda perolehi dengan Kad ini. Semakin banyak anda berbelanja untuk makan (F&B), Badan-badan Profesional dan transaksi runcit yang lain, semakin banyak Mata Ganjaran AFFIN Rewards yang boleh anda perolehi.

- 6. Adakah terdapat tempoh luput untuk Mata Ganjaran AFFIN Rewards?**

Ya, Mata Ganjaran AFFIN Rewards akan luput selepas 3 tahun (36 bulan) dari tarikh mata ganjaran dikeluarkan.

7. Bagaimana saya boleh memeriksa Mata Ganjaran AFFIN Rewards saya?

Anda boleh merujuk penyata bulanan Kad anda atau menyemak baki semasa anda secara dalam talian di <https://rewards.affinbank.com.my>

8. Apa yang boleh saya lakukan dengan Mata Ganjaran AFFIN Rewards saya?

Anda boleh menebus barang, baucar dan/atau mata ganjaran penerbangan dengan Mata Ganjaran AFFIN Rewards di <https://rewards.affinbank.com.my>

Kemudahan Overdraf/Tunai

9. Apakah had Kemudahan Overdraf/Tunai yang boleh saya perolehi dengan Kad ini?

Had Kemudahan Overdraf/Tunai adalah 30% dari jumlah had keseluruhan Kad yang diluluskan.

Contoh:

Jumlah Had Keseluruhan Kad:	RM18,000
Had Kad Akhir:	RM12,600
Had Kemudahan Overdraf/Tunai:	RM5,400

Nota:

Jika anda Ahli Kad AFFIN sedia ada, had kredit kad/kredit kad-i anda yang lain akan dikurangkan sebanyak 30% selepas kelulusan AFFIN AVANCE Visa dengan Overdraf/Kemudahan Tunai AFFIN Islamic dengan AFFIN AVANCE Mastercard untuk diberikan kepada overdraf/kemudahan tunai

10. Bolehkah saya menetapkan had Kemudahan Overdraf/Tunai (“Kemudahan”) saya sendiri?

Tidak. Had Kemudahan ini adalah tetap pada 30% dari jumlah had keseluruhan Kad anda.

11. Bagaimanakah Kemudahan ini dikeluarkan kepada saya?

Kemudahan akan dikeluarkan kepada anda melalui Akaun Semasa Affin Bank / Akaun Semasa-i Affin Islamic. Oleh itu, anda diminta untuk membuka Akaun Semasa Affin Bank / Akaun Semasa-i Affin Islamic dengan Bank setelah mendapat kelulusan Kad anda. Anda boleh melakukan transaksi perbankan biasa seperti pengeluaran ATM dan perbelanjaan melalui kad debit daripada Akaun Semasa Overdraft/Kemudahan Tunai anda selagi dalam had Kemudahan yang diluluskan.

12. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar untuk Kemudahan ini?

Perkara	Yuran dan Caj	
	Kemudahan Overdraf	Kemudahan Tunai
Caj Faedah/Keuntungan	Kadar Asas Standard (KAS) + 1.50% setahun	
Yuran Lebihan Had / Kos Pentadbiran	7.00% setahun akan dikenakan ke atas sebarang jumlah yang melebihi had anda yang diluluskan. Faedah tambahan ini dikira atas dasar baki harian dan akan dikenakan terhadap akaun Kemudahan anda setiap bulan.	<p>Kelulusan terlebih dahulu mesti diperoleh daripada pihak Bank sekiranya anda ingin menggunakan apa-apa amaun yang melebihi had Kemudahan yang diluluskan. Jika amaun yang melebihi had tersebut diluluskan, Kos Pentadbiran pada kadar seperti berikut akan dikenakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Lebihan Atas Had disebabkan oleh caj keuntungan: 7.00% setahun melebihi Kadar Asas Standard, dihadkan kepada RM70.00 untuk setiap kejadian*;

Perkara	Yuran dan Caj	
	Kemudahan Overdraft	Kemudahan Tunai
		<ul style="list-style-type: none"> ii. Lebihan Atas Had bukan disebabkan oleh caj keuntungan: 7.00% setahun melebihi Kadar Asas Standard, dihadkan kepada RM1,040 untuk tiga (3) hari; iii. Jumlah melebihi had perlu diselaras dalam masa 2 hari selepas kejadian; iv. Kos Pentadbiran tersebut akan dikira berdasarkan kiraan baki harian ke atas amaun lebihan sehingga lebihan itu diselaraskan. <p>*kejadian ditaksirkan sebagai keadaan di mana anda tidak berupaya menyelesaikan Lebihan Atas Had dalam masa sepatutnya.</p>
Penyata pinjaman/pembentangan tambahan (setiap permintaan)		RM10.00
Yuran Komitmen		1% setahun akan dikenakan ke atas bahagian Kemudahan yang tidak digunakan jika atau apabila semua kemudahan overdraf/kemudahan tunai yang diberikan kepada anda oleh Bank melebihi RM250,000 pada bila-bila masa. Yuran yang tidak akan dikembalikan ini akan dikenakan terhadap akaun Kemudahan anda pada akhir setiap bulan.
Yuran Broker/Agensi	Tidak berkenaan	RM5.00 bagi setiap RM1.0 juta (asas pro-rata).

13. Apakah tempoh untuk Kemudahan ini?

Tempoh Kemudahan ini adalah seperti berikut:

Kemudahan Overdraft	Kemudahan Tunai
Kemudahan ini akan ditawarkan selagi AFFIN AVANCE Visa masih aktif Bank.	10 tahun

14. Bolehkah saya menyelesaikan sepenuhnya pinjaman/pembentangan sebelum tempoh matang?

Ya. Pihak Bank tidak mengenakan sebarang tempoh terkunci bagi Kemudahan ini dan tiada sebarang yuran dikenakan bagi penyelesaian awal sebelum tempoh matang. Pihak Bank akan memberi rebat (Ibra') yang mana bersamaan dengan keuntungan tertunda pada semasa penyelesaian untuk Kemudahan Tunai.

15. Bolehkah saya membatalkan Kad saya dan mengekalkan Kemudahan ini dengan pihak Bank?

Tidak, Kad dan Kemudahan ini datang bersama. Kemudahan ini akan dibatalkan sekiranya Kad telah dibatalkan/ditamatkan dengan pihak Bank dan sama juga sebaliknya.